

U B619 AAB
MAHATHIR - DEMOKRASI

KUANTAN, 17 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI
INI BERKATA DALAM SESEBUAH NEGARA DEMOKRASI, RAKYAT BERHAK SAMA ADA
UNTUK MENUKARKAN KERAJAAN ATAU MENGEKALKANNYA.

KEBAIKAN SISTEM DEMOKRASI, KATA PERDANA MENTERI, IALAH RAKYAT
BOLEH MEMBUAT KEPUTUSAN (MENERUSI PILIHAN RAYA) UNTUK MENUKAR
KEPIMPINAN NEGARA SEKIRANYA MEREKA BERPENDAPAT KEPIMPINAN ITU PATUT
DITUKAR.

+BAGAIMANAPUN, BUKANLAH HANYA SEBAB KITA BOLEH TUKAR MAKA KITA
HARUS TUKAR, SEDANGKAN MENGEKALKAN (KERAJAAN) JUGA MENJADI SATU
PILIHAN,+ KATANYA KETIKA BERUCAP KEPADA KIRA-KIRA 500 KAKITANGAN
KERAJAAN DI DEWAN MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN (MPK) DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA, SESEORANG PEMIMPIN DALAM
NEGARA YANG MENGAMALKAN SISTEM DEMOKRASI AKAN MENJALANKAN TUGASNYA
DENGAN BAIK ATAS KESEDARAN BAHAWA PERKHIDMATANNYA ITULAH YANG AKAN
MENENTUKAN SAMA ADA DIA BOLEH KEKAL ATAU TIDAK.

+MAKA SEKIRANYA DIA MENJALANKAN TUGASNYA DENGAN BAIK DAN
BERTANGGUNG JAWAB; MAKA (MENJADI) TANGGUNGJAWAB RAKYAT PULA UNTUK
MENENTUKAN PEMIMPIN SEBEGITU TIDAK GUGUR. -- LAGI

1457MST 17 10 90

U B630 AAB
MAHATHIR - DEMOKRASI 2 KUANTAN

+ITULAH DEMOKRASI YANG MEMBERI HAK (KEPADA RAKYAT) UNTUK
MENELITI PRESTASI KERAJAAN DAN SETELAH DITELITI DAN BERASA TIDAK
LAYAK MAKA GUGUR, DAN JIKA LAYAK MAKA KALKAN,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA SEMENTARA PARTI PEMERINTAH BERGANTUNG
KEPADA REKOD PERKHIDMATANNYA, PARTI-PARTI PEMBANGKANG MEMBUAT JANJI
YANG BAGI RAKYAT YANG BOLEH BERFIKIR, PERLULAH MENELITINYA.

MENERUSI JANJI-JANJI ITU, KATA BELIAU, HAMPIR \$3,000 JUTA AKAN
DIBELANJAKAN ATAU TIDAK DAPAT DIPUNGUT OLEH KERAJAAN.

SEKIRANYA HENDAK MEMBAYAR BANYAK (MENERUSI JANJI-JANJI ITU)
KATANYA, KERAJAAN PERLU MEMPUNYAI WANG SEBANYAK ITU YANG SEPATUTNYA
DIPEROLEHI DARIPADA PELBAGAI CUKAI YANG DIKENAKAN.

+TETAPI JIKA HENDAK MENGUTIP CUKAI KURANG, HENDAK BAYAR BANYAK,
INI SATU MAGIC, PELIK DAN MENAKJUBKAN,+ KATANYA SAMBIL MENYEBUT DUA
CARA YANG MUNGKIN KERAJAAN BOLEH MEMBAYAR BANYAK TETAPI DENGAN
KEWANGAN YANG TERHAD IALAH DENGAN BERHUTANG DARI LUAR ATAU MENCETAK
LEBIH BANYAK WANG. -- LAGI

1552MST 17 10 90

U B631 AAB
MAHATHIR - DEMOKRASI 3 KUANTAN

SEKIRANYA KERAJAAN BERHUTANG DENGAN BANYAK KATANYA, LAMBAT LAUN IA AKAN TERPAKSA MENGIKUT +ARAH TELUNJUK+ PEMBERI-PEMBERI HUTANG SEPERTI DARIPADA BANK-BANK ASING, DALAM USAHANYA MEMBANGUNKAN NEGARA.

BEGITU JUGA, KATANYA, JIKA KERAJAAN MENCETAK BANYAK WANG, NILAI MATA WANG NEGARA AKAN JATUH YANG AKAN MENGAKIBATKAN INFLASI.

NEGARA SEKARANG BERUNTUNG KERANA INFLASI DI NEGARA INI CUMA ANTARA DUA DAN TIGA PERATUS SETAHUN BERBANDING DENGAN SESETENGAH NEGARA LAIN YANG MEMPUNYAI SESUATU BARANGAN YANG MISALNYA, BERTARIFA \$1 PADA BULAN JANUARI TETAPI MELAMBUNG KEPADA \$200 PADA DISEMBER TAHUN YANG SAMA.

BELIAU SETERUSNYA MENYEBUT TENTANG KEFAHAMAN YANG BAIK ANTARA KERAJAAN DENGAN PENTADBIRAN AWAM MENGENAI AMALAN KERJA DEMOKRASI YANG MEMUNGKINKAN NEGARA DITADBIR DENGAN BERKESANNYA.

+MEREKA (PENTADBIRAN AWAM TERMASUK PASUKAN KESELAMATAN), SANGGUP MENERIMA ARAHAN DARIPADA KERAJAAN YANG DIPILIH OLEH RAKYAT SUNGGUHPUN MENTERINYA MUNGKIN KURANG KELAYAKAN DARIPADA MEREKA,+ KATANYA. -- LAGI

1554MST 17 10 90

U B632 AAB
MAHATHIR - DEMOKRASI 4 KUANTAN

PADA MAJLIS MEMULAKAN KERJA BAGI PEMBINAAN PERHENTIAN BAS BARU KUANTAN, PERDANA MENTERI MENAFIKAN TANGGAPAN SESETENGAH PIHAK KONONNYA KEMAKMURAN DAN KEAMANAN YANG RAKYAT KECAPAI SEKARANG ADALAH KERANA NASIB BAIK SAHAJA.

+KALAU TUHAN MEMBERI SEGALA-GALANYA TETAPI MANUSIA TIDAK BERSUNGGUH-SUNGGUH DAN TIDAK MENGGUNAKAN KURNIAAN ITU DENGAN SEWAJARNYA, INI BOLEH MENIMBULKAN BENCANA AKIBAT PERBUATAN MANUSIA,+ KATANYA PADA MAJLIS YANG TURUT DIHADIRI OLEH KIRA-KIRA 2,000 RAKYAT TEMPATAN.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA RAKYAT YANG TERDIRI DARIPADA PELBAGAI KAUM, BANGSA DAN AGAMA DAPAT HIDUP DENGAN AMAN DI NEGARA INI KERANA NEGARA MEMPUNYAI KERAJAAN YANG MEMBERI PERTIMBANGAN KEPADA SEGALA-GALANYA DAN BUKAN KERANA NASIB SEMATA-MATA.

BELIAU JUGA MENYEBUT TENTANG GABUNGAN PARTI-PARTI PEMBANGKANG. KATANYA: +KITA PATUT KAHWIN AWAL-AWAL DAN TIDAK SEPERTI SESETENGAH PIHAK YANG TERGESA-GESA ATAU SUDAH SARAT TERUTAMANYA MENJELANG PILIHAN RAYA, BARU HENDAK KAHWIN+.

PERDANA MENTERI SETERUSNYA HENGULANGI PERLUNYA BN MEMPEROLEHI MAJORITI YANG LEBIH SUPAYA RAKYAT LEBIH MENGHORMATINYA DAN KERAJAAN DAPAT MENJALANKAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNANNYA DENGAN LANCAR.

+OLEH ITU, KITA MESTI TENTUKAN KERAJAAN SEKARANG TETAP BERTAMBAH KUKUH BAGI MENENTUKAN NEGARA TERUS MENIKMATI ARUS PEMBANGUNAN SERTA KEAMANAN,+ KATANYA SEBELUM KE MARKAS 4 DIVISYEN, KEM BATU 10 DEKAT SINI, UNTUK MAKAN TENGAH HARI BERSAMA-SAMA KIRA-KIRA 200 ANGGOTA TENTERA. -- BERNAMA

1557MST 17 10 90